

Baik pulih tebing ikut spesifikasi

JPS beri jaminan bahawa jirat Cina berusia lebih 80 tahun tidak akan terganggu

SUNGAI BESAR – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengambil langkah segera dalam menangani masalah tebing muara Sungai Bagan Sungai Besar yang runtuh selepas kerja menambak pasir di benteng muara sungai itu siap sepenuhnya 13 Januari lalu.

Juruternya, Heman Tawil berkata, pihaknya telah berbincang dengan Bahagian Teknikal JPS Negeri Selangor berhubung perkara berkenaan termasuk mengambil beberapa pendekatan bagi menanganinya.

Menurutnya, antara pendekatan yang dibincangkan itu termasuk mengenalpasti kaedah yang lebih kompetitif bagi menjalankan kerja membaik pulih benteng di muara Sungai Bagan Sungai Besar.

“Kita melihat beberapa faktor geografi dan manusia antaranya permukaan tanah

ini terlalu lembut dan fenomena air pasang selain aktiviti perikanan yang dijalankan penduduk menyebabkan kerja meninggikan pasir untuk halang hakisan ini runtuh,” katanya.

Herman berkata, kerja membaik pulih benteng Bagan Sungai Besar dijangka akan dijalankan dalam waktu terdekat selepas menerima peruntukan tambahan RM600,000 daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

“Kita akan memastikan kerja ini dijalankan mengikut spesifikasi ditetapkan dan menjamin kerja dijalankan itu tidak akan mengganggu puluhan jirat Cina yang terdapat di di sekitar kawasan ini,” katanya.

Sementara itu, Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi berkata, pihaknya berharap JPS dapat menangani masalah itu segera



Herman menerangkan sesuatu kepada Budiman sambil diperhatikan penduduk selepas meninjau lokasi runtuhan pasir selepas kerja penambakan dijalankan di muara Sungai Bagan, Sungai Besar.

tetapi ia perlu dilaksanakan berdasarkan kepada kajian saintifik bagi mengelakkan sebarang masalah timbul pada masa depan.

“Kerajaan mengeluarkan peruntukan yang besar dalam menyelesaikan perkara ini. Kita amat berharap agar ia

dilaksanakan terancang serta mengambil kira semua aspek termasuk faktor geografi dan sebagainya,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Bagan Sungai Besar, Chia Bak Long

berkata, terdapat kira-kira 20 jirat Cina musnah akibat hakisan di muara sungai terbabit.

“Kini tinggal hanya 80 jirat Cina lama berusia kira-kira 80 tahun yang masih ada dan jirat ini sudah tidak lagi digunakan bagi tujuan pengebumian,” katanya.

Beliau berkata, bagi menangani masalah itu, JPS menjalankan kerja menambak pasir di benteng muara sungai bagi menyelesaikan masalah selain mengatasi masalah air pasang yang menyebabkan limpahan air masuk ke kawasan jirat Cina terbabit.

“Bagaimanapun, apabila ditambah masalah lain pula timbul. Projek ini runtuh dan menyebabkan muara sungai terbabit menjadi lebih cetek dan sempit.

“Kita harap selepas ditambah masalah hakisan ini akan selesai, tetapi kita dapati ia memberi kesan lain pula kepada nelayan yang keluar mencari rezeki di kawasan ini.

“Keadaan ini menyukarkan nelayan untuk keluar ke laut akibat bot mereka tersangkut selepas pasir terbabit runtuh ke dalam muara sungai,” katanya.